

## **DUA PRODUK UniMAP RAIH EMAS DI PAMERAN SIIF, KOREA**

Kangar, 29 November – Dua produk penyelidikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), berjaya meraih pingat emas pada pameran Seoul International Invention Fair (SIIF 2015) yang berlangsung di Hall A, Coex, Gangnam-Gu, Seoul, Korea.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, selain dua produk tersebut, UniMAP turut meraih kejayaan 100 peratus dalam pameran tersebut apabila lima lagi produk meraih pingat perak dan dua produk mendapat gangsa.

Menurut beliau, produk yang meraih pingat emas ialah Hybrid Fiber-Wireless (FiWi) Flexible Cross Correlation (FCC) OCDMA for Future Broadband Access Network” (Hybrid WiFi) hasil penyelidikan Dr. Mohd. Rashidi Che Beson dan “Non-Invasive Salivary Glucose Detection Kit” yang merupakan hasil penyelidikan Prof. Dr. Uda Hashim.

“SIIF 2015 merupakan antara pameran penyelidikan berprestij yang menghimpunkan lebih 400 produk penyelidikan dari seluruh dunia dan kejayaan meraih 100 peratus pingat amatlah membanggakan,” ujar beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

SIIF 2015 yang berlangsung selama empat hari mulai 26 November lalu dianjurkan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA) dan disokong sepenuhnya oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) and the International Federation of Inventors' Associations (IFI).

Sementara itu Dr. Mohd. Rashidi ketika dihubungi berkata, produk hasil penyelidikan beliau bersama kumpulan penyelidik Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Komunikasi Termaju (ACE) itu merupakan penyelesaian kepada permasalahan mendapatkan isyarat wireless terutama di kawasan pedalaman.

Menurut beliau, produk hybrid WiFi yang menggabungkan teknologi Optical CDMA yang dimodulasi dengan isyarat Frekuensi Radio (RF) melalui teknik sub-pembawa pemultipleksan.

“Gabungan kedua teknologi ini membolehkan isyarat komunikasi diterima pada kadar data yang tinggi serta kos yang murah dengan kualiti audio, video dan data yang sangat baik,” ujar beliau.

Dalam pada itu, produk kedua yang meraih pingat emas pula disasarkan kepada sesiapa sahaja yang ingin memantau tahap glukosa mereka terutama pesakit diabetis.

Menurut Prof. Dr. Uda, ia juga sangat sesuai digunakan oleh pesakit diabetis wanita dari kategori Haemophobia (takut darah) dan Trypanophobia (takut jarum) memandangkan ia menggunakan pendekatan pengesanan glukosa tidak invasif selain selamat dan sesuai untuk warga tua dan kanak-kanak.

“Produk ini bertujuan untuk menggantikan cara tradisional invasif dalam tahap pemantauan glukosa yang mana sampel klinikal yang digunakan iaitu air liur boleh diambil melalui pendekatan rembesan tidak invasif dan kerap,” ujarnya.